

**KOMPETENSI GURU SEJARAH DALAM MENERAPKAN
KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH (KPS)**

**[TEACHERS' COMPETENCY IN IMPLEMENTING
HISTORICAL THINKING SKILLS (HTS) IN HISTORY TEACHING]**

LIM BEE LIAN^{1*} & MOHD MAHZAN AWANG¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: p145087@siswa.ukm.edu.my

Received: 24 October 2025

Accepted: 26 December 2025

Published: 03 January 2026

Abstrak: Penerapan kaedah pengajaran tradisional yang terlalu berpusatkan guru menjadikan murid pasif serta kurang terlibat secara intelektual, sekali gus menurunkan minat mereka terhadap subjek dan menjejaskan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi. Kajian ini dijalankan bagi menilai tahap kompetensi guru Sejarah dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS), serta meneliti hubungan antara kedua-dua aspek tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan untuk memperoleh data berkaitan objektif kajian. Seramai 100 orang guru Sejarah telah dipilih sebagai responden secara persampelan rawak mudah. Instrumen utama kajian ialah borang soal selidik. Data yang dikumpulkan turut dianalisis secara inferensi bagi menentukan hubungan antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam mengaplikasikan KPS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran guru Sejarah dalam menerapkan KPS berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis juga mengesahkan kewujudan hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran tersebut. Oleh itu, hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada guru Sejarah dalam memperkukuhkan kompetensi mereka agar pelaksanaan KPS dalam bilik darjah lebih berkesan serta sejajar dengan objektif kurikulum Sejarah.

Kata Kunci: Kompetensi, KPS, Sejarah, Pengetahuan, Kemahiran.

Abstract: The use of traditional teaching methods that are overly teacher-centered causes students to become passive and less intellectually engaged, leading to a decline in interest in the subject and hindering the development of higher-order thinking skills. This study was conducted to identify the level of History teachers' competency in terms of knowledge and skills in implementing Historical Thinking Skills (HTS), as well as to determine the relationship between knowledge and skills in applying HTS. This study employed a quantitative approach and utilized a survey method to obtain information related to the research objectives. A total of 100 History teachers were selected through simple random sampling as respondents. The instrument used in this study was a structured questionnaire. Data were also analyzed inferentially to identify the relationship between knowledge and skills of History teachers in Historical Thinking Skills. The results of the analysis showed that both the knowledge and skills aspects of History teachers in applying HTS were at a moderately high level. The analysis also revealed a significant relationship between knowledge and skills in implementing HTS. Therefore, the findings of this study can serve as a guideline for History teachers, particularly in equipping themselves with strong competencies to effectively implement HTS among students, thereby achieving the objectives of the History curriculum.

Keywords: Competency, HTS, History, knowledge, skills.

Cite This Article:

Lim Bee Lian & Mohd Mahzan Awang. (2026). Kompetensi Guru Sejarah Dalam Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (Kps) [Teachers' Competency In Implementing Historical Thinking Skills (Hts) In History Teaching]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 6(1): 1-14.

PENGENALAN

Pendidikan Sejarah telah ditetapkan sebagai subjek wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013. Selain itu, bermula tahun 2014, subjek ini juga diperkenalkan di peringkat sekolah rendah selaras dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (KPM 2019). Pendidikan Sejarah berperanan dalam menyemai semangat cinta akan negara dalam diri rakyat, terutamanya bagi generasi muda yang selalu melihat mata pelajaran ini sebagai sesuatu yang membosankan dan tidak relevan dengan keperluan masa kini (Zakaria et al. 2021). Ini menunjukkan komitmen negara dalam memastikan generasi muda memahami sejarah tanah air serta menghargai usaha dan perjuangan tokoh-tokoh terdahulu dalam membentuk negara bangsa.

KPS adalah satu elemen penting dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) subjek Sejarah. Terdapat lima kemahiran dalam KPS iaitu kemahiran kronologi, meneroka bukti, membuat imaginasi, membuat interpretasi dan membuat rasionalisasi (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Dalam konteks pengajaran, kompetensi guru dibahagikan kepada tiga bidang utama iaitu; kompetensi bidang, kecekapan pedagogi dan kecekapan budaya (Kiymet, 2010). Guru yang berkompetensi berperanan sebagai agen perubahan yang akan membawa kemajuan dalam sistem pendidikan. Hal ini kerana kompetensi guru mempengaruhi melebihi 50 peratus mutu pendidikan manakala selebihnya adalah disebabkan oleh faktor lain (Ratna Dewi et al., 2020).

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi penerapan KPS dalam subjek Sejarah, namun amalan serta penguasaan KPS dalam kalangan murid masih didapati kurang dan tidak sepenuhnya diaplikasikan dalam proses PdP Sejarah (Howell & Callahan 2016; Borries 1997; Wineburg, 2010).

Kesimpulannya, penerapan KPS dalam PdP Sejarah adalah penting dalam membentuk generasi bagi sesebuah negara. Seseorang guru mempunyai tahap pengetahuan profesional yang mantap mampu meningkatkan mutu PdP di dalam bilik darjah. (Hanifah et al., 2019). Peranan guru Sejarah sebagai perancangan, pembimbing, pendorong, pengawal, penilai dan pemudahcaraan mata pelajaran Sejarah perlu memberi penekanan dalam menerapkan KPS (KPM, 2018).

PERNYATAAN MASALAH

Di Malaysia, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah memberi penekanan terhadap pengintegrasian KPS dalam pengajaran Sejarah bagi melahirkan murid yang berfikir secara mendalam dan kontekstual (KPM, 2017). Namun begitu, pelbagai kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan KPS oleh guru masih tidak mencapai tahap yang memuaskan (Samsudin,

2019). Ini menimbulkan persoalan sama ada guru Sejarah mempunyai kompetensi yang mencukupi untuk menerapkan KPS dalam bilik darjah secara berkesan. Persepsi negatif terhadap subjek Sejarah dalam kalangan murid bukanlah isu baharu dalam sistem pendidikan. Ridzuan et al. (2021) melaporkan bahawa sebahagian murid merasakan subjek Sejarah gagal untuk merangsang daya pemikiran mereka secara mendalam.

Penggunaan kaedah pengajaran yang bersifat tradisional dan terlalu berpusatkan guru seperti ceramah, nota berstruktur dan hafalan masih mendominasi bilik darjah Sejarah. Murid mempunyai tanggapan bahawa subjek Sejarah merupakan satu subjek yang amat membosankan (Maarof et al., 2020). Hal ini mungkin disebabkan oleh kekangan masa, kekurangan latihan profesional, atau ketidakfahaman terhadap konsep sebenar KPS. Hal ini menyebabkan murid menjadi pasif dan kurang terlibat secara intelektual. Kesan daripada pendekatan konservatif ini bukan sahaja menyebabkan murid kehilangan minat terhadap subjek, tetapi juga menyekat perkembangan pemikiran kritis dan kemahiran berfikir aras tinggi.

Muhamad Yazid Khalil (2018) menjelaskan bahawa kurangnya unsur-unsur KPS dalam proses pengajaran mempengaruhi pencapaian subjek Sejarah secara langsung mahupun tidak langsung dalam kalangan murid. Kajian ini dijalankan untuk: 1. mengenal pasti tahap kompetensi guru Sejarah dari aspek pengetahuan dalam menerapkan KPS; 2. mengenal pasti tahap kompetensi guru sejarah dari aspek kemahiran dalam menerapkan KPS; dan 3. mengenal pasti hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran dalam menerapkan KPS.


SOROTAN LITERATUR

Kompetensi guru

Kompetensi guru berupaya untuk menyampaikan pendidikan yang berkesan dan efektif. Menurut kajian Salwa & Aziah (2020), kajian terperinci tentang kompetensi guru perlu dijalankan, bukan hanya secara menyeluruh tetapi selaras dengan kurikulum setiap bidang pengajaran atau subjek yang mereka ajar. Menurut Mohd Sani Ibrahim et al. (2015), Kompetensi merujuk kepada gabungan pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan oleh seseorang bagi menjalankan sesuatu tugas secara berkesan dan menyeluruh.

Guru bertanggungjawab bagi menyampaikan PdP yang berkesan supaya maklumat yang disampaikan mudah diingati, bermakna, mudah diaplikasikan, dan mampu menarik minat murid. Menurut Jit & Ngen (2020), kebolehan mengajar berdasarkan kompetensi guru dalam mengorganisasi, menyaring, dan mengelola strategi serta merealisasikan pembelajaran yang menarik. Kompetensi dan kualiti guru berkait rapat dengan kecekapan seseorang guru dalam pengajaran yang bermutu.

Model Kompetensi Bongkah Ais yang diperkenalkan oleh Spencer dan Spencer (1993) seperti rajah 1 membahagikan kompetensi kepada dua komponen utama, iaitu kompetensi yang nyata (*visible*) dan kompetensi yang tersembunyi (*hidden*). Bahagian atas merangkumi pengetahuan dan kemahiran yang boleh diperhatikan secara langsung dalam perlakuan seseorang, manakala bahagian bawah melibatkan sikap, nilai, motif dan sifat peribadi yang mendorong kepada tingkah laku profesional.



Sumber: Spencer dan Spencer (1993)

Rajah 1. Model Kompetensi Bungkah Air Batu (*Iceberg Competency Model*).

Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)

KPS ditakrifkan sebagai satu proses pemikiran yang membolehkan murid meneroka idea yang kompleks dan abstrak dengan panduan daripada guru (KPM 2021). Menurut Haniffa dan Nor Azlah Sham Rambely (2023), pemikiran sejarah melibatkan kebolehan dalam pemikiran secara reflektif tentang masa lalu dengan mengenal pasti perubahan yang berlaku berdasarkan dimensi masa, tempat, dan tokoh sejarah yang relevan. Lima kemahiran utama telah dikenal pasti dalam kerangka KPS oleh BPK (2016), iaitu: (i) kemahiran memahami kronologi, (ii) meneroka bukti sejarah, (iii) membina imaginasi sejarah, (iv) mentafsir peristiwa sejarah, dan (v) membuat rasionalisasi terhadap sesuatu peristiwa. Kesemua komponen ini berfungsi sebagai alat utama dalam membentuk pemikiran kritikal sejarah serta menjadi teras dalam usaha mencapai objektif kurikulum Sejarah.

Penekanan kepada pendekatan KPS dalam PdP Sejarah dilihat mampu meningkatkan tahap kefahaman murid terhadap konsep sejarah yang lebih luas dan bersifat reflektif. Kajian oleh Lui dan Ahmad (2021) menunjukkan bahawa murid yang dilatih dengan pendekatan ini lebih berupaya mengaitkan fakta sejarah dengan isu kontemporari, di samping memperkukuh motivasi untuk mendalami subjek Sejarah secara aktif.

KPS mempunyai unsur yang penting dalam pendidikan Sejarah kerana ia membolehkan murid mengenali kisah masa lalu secara kritis dan analitis. Menurut Wineburg dan Fournier (1994), pemikiran Sejarah sebagai kecenderungan untuk menilai masa lalu dengan memahami perubahan yang mengenai dengan aspek asas seperti masa, tempat dan tokoh.

Kompetensi guru dalam menerapkan KPS

Kompetensi guru merupakan aspek asas dan penentu dalam keberkesanan pelaksanaan KPS dalam bilik darjah. Dari aspek pengetahuan profesional, guru perlu menguasai kandungan Sejarah secara komprehensif termasuk pengetahuan tentang sumber primer, tafsiran pelbagai perspektif Sejarah, serta pemahaman tentang konsep seperti kronologi, kesinambungan dan perubahan, sebab dan akibat, serta empati Sejarah. Guru juga perlu memahami struktur epistemologi Sejarah dan bagaimana naratif Sejarah dibentuk dan disoal secara akademik (Haniffa & Nor Azlah Sham Rambely, 2023). Pengetahuan ini penting bagi menyokong

pengajaran berasaskan KPS yang menekankan analisis bukti, pertimbangan pelbagai sumber, serta interpretasi yang bersifat kritikal.

Kemahiran pedagogi ialah keupayaan guru merancang, melaksanakan dan menilai PdP secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada pembinaan pemikiran kritis murid. Kajian yang dijalankan oleh Ridzuan et al. (2022) mendapati guru mempunyai pendedahan kepada latihan pedagogi KPS menunjukkan kebolehan yang lebih tinggi dalam merancang aktiviti berasaskan inkuiri dan eksplorasi Sejarah. Selain itu, guru perlu terbuka terhadap maklum balas, melakukan refleksi sendiri, serta aktif mengikuti perkembangan terkini dalam bidang pedagogi Sejarah.

Dalam satu kajian terkini, Lee dan Nurul Asyikin (2023) menekankan bahawa guru yang mempunyai tahap literasi Sejarah yang tinggi dan sikap reflektif yang baik lebih cenderung untuk melibatkan murid dalam aktiviti pemikiran Sejarah yang mencabar dan bermakna. Kompetensi guru yang tinggi dalam melaksanakan KPS terbukti mampu menyumbang kepada pembentukan generasi murid yang bukan sahaja celik Sejarah, tetapi juga mempunyai jati diri yang kukuh, semangat patriotik, serta kepekaan terhadap pelbagai isu sosial dan global.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan bagi mendapatkan maklumat. Kaedah soal selidik adalah untuk menilai kompetensi iaitu tahap pengetahuan, kemahiran, dan hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran dalam menerapkan KPS Sejarah. Lokasi kajian ialah daerah Pasir Gudang, Johor. Pemilihan kawasan dibuat berdasarkan laporan daripada Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang (2025) yang menunjukkan pencapaian akademik sekolah tersebut berada di tahap yang rendah.

Kajian ini melibatkan 100 orang guru sejarah dari beberapa Sekolah Rendah di daerah Pasir Gudang, Johor melalui teknik pensampelan rawak mudah. Instrumen kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang kompetensi guru Sejarah dalam menerapkan KPS Sejarah ialah borang soal selidik.

Instrumen soal selidik terbahagi kepada empat bahagian: Bahagian A (demografi), Bahagian B (pengetahuan), Bahagian C (kemahiran), dan Bahagian D (sikap). Bahagian A mengandungi empat item untuk mendapatkan maklumat demografi seperti jantina, bangsa dan umur. Bahagian B, C, dan D masing-masing mengandungi lapan item untuk menilai kompetensi guru dari aspek pengetahuan, kemahiran, dan sikap guru Sejarah dalam menerapkan KPS. Setiap item soal selidik menggunakan skala Likert lima mata: 1 = Sangat Tidak Setuju (STS), 2 = Tidak Setuju (TS), 3 = Kurang Setuju (KS), 4 = Setuju (S), dan 5 = Sangat Setuju (SS).

Borang soal selidik yang dibina mengandungi lapan item yang diadaptasi dan diubahsuai dari soal selidik yang dilakukan oleh Santhiah & Anuar (2021). Pengesahan pembinaan soal selidik melibatkan dua orang pakar bidang Sejarah iaitu seorang pakar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan seorang lagi pakar dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Nilai pekali Cronbach Alpha seperti ditunjukkan di jadual 1 bagi item dalam borang soal selidik adalah sebanyak 0.720. Hal ini menunjukkan item dalam borang soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana nilai pekali Cronbach Alpha yang

melebihi 0.70 dan ke atas dikategorikan sebagai item yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Chua 2011).

Jadual 1: Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	<0.30

Sumber: Chua 2011

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 27.0. Analisis dilakukan secara deskriptif untuk menghuraikan demografi sampel (peratusan dan frekuensi) serta analisis inferensi untuk menguji hubungan antara pembolehubah. Skala min yang digunakan dalam analisis ini merujuk kepada panduan yang dibangunkan oleh Nurul Hidayah & Norasmah (2021) seperti ditunjukkan di jadual 2 yang mencakupi skala nilai dan interpretasi data secara menyeluruh. Dengan demikian, metodologi ini memastikan bahawa data yang diperoleh memberi gambaran yang komprehensif tentang kompetensi guru Sejarah dalam menerapkan KPS dalam pengajaran mereka.

Jadual 2: Jadual interpretasi skor min

Skor Min	Tahap Min
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
1.00 – 2.00	Rendah

Sumber: Nurul Hidayah & Norasmah (2021)

DAPATAN KAJIAN

Seramai 100 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Jadual 3 di bawah terdapat 17 orang bersamaan dengan 17 peratus responden merupakan responden lelaki manakala bilangan responden perempuan adalah 83 orang bersamaan dengan 83 peratus. Kajian ini melibatkan dua bangsa iaitu 2 orang responden berbangsa Melayu bersamaan dengan 2 peratus manakala 98 orang responden berbangsa Cina bersamaan dengan 98 peratus. Seterusnya, umur responden dibahagikan kepada empat kategori iaitu umur antara 25 hingga 30 mempunyai 12 orang responden bersamaan dengan 12 peratus, umur antara 31 hingga 35 mempunyai 17 orang responden bersamaan dengan 17 peratus, umur 36 hingga 40 mempunyai 18 orang responden bersamaan dengan 18 peratus, umur antara 41 hingga 45 mempunyai 27 orang responden bersamaan dengan 27 peratus, umur 46-50 mempunyai 17 orang responden

bersamaan dengan 17 peratus manakala umur 50 dan ke atas mempunyai 9 orang responden bersamaan dengan 9 peratus.

Jadual 3: Demografi responden

Demografi	Frekuensi n=100	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	17	17.00
Perempuan	83	83.00
Bangsa		
Melayu	2	2.00
Cina	98	98.00
India	0	0.00
Lain-lain	0	0.00
Umur		
25-30	12	12.00
31-35	17	17.00
36-40	18	18.00
41-45	27	27.00
46-50	17	17.00
50 dan ke atas	9	9.00

Tahap kompetensi guru Sejarah dari aspek pengetahuan dalam menerapkan KPS.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada responden, analisis keseluruhan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru Sejarah tentang penggunaan KPS berada pada tahap sederhana tinggi, dengan nilai min 3.86 dan sisihan piawai 0.383.

Jadual 4 menunjukkan peratusan setuju item B1, B2, B5, B6, B7 dan B8 yang melebihi 80 peratus. Item B6 menunjukkan peratusan setuju tertinggi berbanding item lain di mana '*Saya memahami bahawa sumber pengajaran yang mencukupi membantu penerapan KPS dengan lebih berkesan.*' dengan peratusan sebanyak 95 peratus (S= 90 peratus, SS= 5 peratus). Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Loh dan Abdul Razaq (2022), pendekatan pembelajaran berpusatkan murid seperti kaedah *Flipped Classroom* didapati mampu memberikan impak yang lebih positif terhadap penguasaan dan pengamalan kemahiran berfikir sejarah dalam kalangan murid. Pengetahuan guru memilih pendekatan yang bersesuaian akan memudahkan murid dan guru untuk menjalankan aktiviti pembelajaran (Che Nidzam et al. 2019). Item B1 menunjukkan peratusan setuju yang kedua tertinggi dengan peratusan sebanyak 93 peratus (S=87 peratus, SS=6 peratus). Item B2 menunjukkan peratusan setuju sebanyak 93 peratus (S=88 peratus, SS=5 peratus). Item B5, B7 dan B8 menunjukkan peratusan setuju yang sama iaitu sebanyak 91 peratus (S=87 peratus, SS=4 peratus).

Aspek pengetahuan yang mendapat peratusan setuju paling rendah adalah pada item B3 iaitu '*Saya mengetahui kaedah berkesan untuk mengajar KPS kepada murid.*' Dengan

peratusan setuju sebanyak 55 peratus (S=52 peratus, SS= 3 peratus). Hal ini menunjukkan masih ramai guru yang tidak mengetahui kaedah yang berkesan untuk menerapkan KPS kepada murid. Menurut Noria & Anuar (2015), menyatakan jika guru Sejarah kurang pengetahuan dan pengajaran hanya bergantung kepada buku teks akan memberi kesan kepada penerapan KPS.

Jadual 4: Tahap kompetensi guru Sejarah dari aspek pengetahuan dalam menerapkan KPS.

Item	Pernyataan	STS	%	TS	%	KS	%	S	%	SS	%
		Bil		Bil		Bil		Bil		Bil	
B1	Saya memahami konsep Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dengan jelas.	0	0	0	0	7	7.00	87	87.0	6	6.00
B2	Saya memahami bahawa KPS membantu murid memahami peristiwa Sejarah dengan lebih mendalam.	0	0	0	0	7	7.00	88	88.00	5	5.00
B3	Saya mengetahui kaedah berkesan untuk mengajar KPS kepada murid	2	2.00	13	13.00	30	30.00	52	52.00	3	3.00
B4	Saya mengetahui cara menggunakan peta minda atau carta untuk membantu murid memahami hubungan sejarah.	0	0	7	7.00	19	19.00	71	71.00	3	3.00
B5	Saya memahami bahawa penggunaan teknologi dalam menerapkan KPS dalam pengajaran Sejarah adalah sangat penting.	0	0	0	0	9	9.0	87	87.0	4	4.0
B6	Saya memahami bahawa sumber pengajaran yang mencukupi membantu penerapan KPS dengan lebih berkesan	0	0	0	0	5	5.0	90	90.0	5	5.0

B7	Saya memahami bahawa perbezaan antara fakta dan interpretasi dalam Sejarah adalah asas penting dalam KPS	0	0	2	2.0	7	7.0	87	87.0	4	4.0
B8	Saya memahami bahawa KPS membantu murid menghubungkan peristiwa Sejarah dengan isu semasa.	0	0	2	2.0	7	7.0	87	87.0	4	4.0

Nota: Purata min = 3.86; sisihan piawai = 0.383; Tahap: Sederhana Tinggi

Tahap kompetensi guru Sejarah dari aspek kemahiran dalam menerapkan KPS

Berdasarkan data yang dikumpulkan daripada responden, analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru Sejarah dalam menerapkan KPS berada pada tahap sederhana tinggi, dengan nilai min 3.47 dan sisihan piawai 0.601. Jadual 5 menunjukkan peratusan setuju item C1, C7 dan C8 yang melebihi 70. Peratusan setuju tertinggi bagi aspek kemahiran adalah pada item C8, '*Saya mahir dalam menggunakan bahan pengajaran yang sesuai untuk menyokong penerapan KPS dalam pengajaran Sejarah.*' sebanyak 77 peratus (S=73 peratus, SS=4 peratus). Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Muhamad Yazid (2018) bahawa penerapan KPS dalam proses PdP amat bergantung kepada tahap kesediaan guru Sejarah, terutamanya dari segi pengetahuan dan kemahiran mereka terhadap pelaksanaan KPS. Item C1 menunjukkan peratusan setuju yang kedua tertinggi dengan peratusan sebanyak 76 peratus (S=73 peratus, SS=3 peratus). Item C7 menunjukkan peratusan setuju sebanyak 72 peratus (S=68 peratus, SS= 4 peratus).

Aspek kemahiran yang mendapat peratusan setuju yang rendah adalah pada item 5, '*Saya mahir berkongsi teknik pengajaran KPS dengan rakan sejawat.*' sebanyak 25 peratus (S=22 peratus, SS= 3 peratus). Keadaan ini menggambarkan bahawa guru berpengalaman masih kurang yakin untuk membimbing guru baharu atau guru bukan opsyen berkaitan KPS. Guru bukan opsyen merujuk kepada guru yang tidak datang daripada aliran, bidang atau pengkhususan yang berkaitan dengan subjek yang diajar, namun tetap diberikan tanggungjawab untuk mengajar subjek tersebut setelah ditempatkan di sekolah. (Nurul Hamidzah & Isa 2023).

Jadual 5: Tahap kompetensi guru Sejarah dari aspek kemahiran dalam menerapkan KPS.

Item	Pernyataan	STS	%	TS	%	KS	%	S	%	SS	%
		Bil		Bil		Bil		Bil		Bil	
C1	Saya mahir menggunakan kaedah pemikiran kritis dalam	0	0	5	5.0	19	19.0	73	73.0	3	3.0

	membantu murid memahami Sejarah										
C2	Saya sering menggalakkan murid untuk menganalisis pelbagai sumber sejarah (contoh, dokumen, peta dan gambar)	2	2.0	19	19.0	49	49.0	28	28.0	2	2.0
C3	Saya sering membimbing murid untuk mengenalpasti sebab dan akibat dalam peristiwa sejarah	2	2.0	9	9.0	35	35.0	51	51.0	3	3.0
C4	Saya memberi penekakan kepada aspek empati Sejarah semasa mengajar	2	2.0	5	5.0	41	41.0	49	49.0	3	3.0
C5	Saya mahir berkongsi teknik pengajaran KPS dengan rakan sejawat.	2	2.0	33	33.0	40	40.0	22	22.0	3	3.0
C6	Saya mahir memberikan soalan yang mencabar pemikiran murid dalam memahami konteks Sejarah.	0	0	9	9.0	21	21.0	66	66.0	4	4.0
C7	Saya mahir dalam menggalakkan murid untuk berfikir secara kritis mengenai Sejarah	0	0	7	7.0	21	21.0	68	68.0	4	4.0
C8	Saya mahir dalam menggunakan bahan pengajaran yang sesuai untuk menyokong penerapan KPS dalam pengajaran Sejarah	0	0	5	5.0	18	18.0	73	73.0	4	4.0

Hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran dalam menerapkan KPS

Berdasarkan Jadual 6, hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara pengetahuan dengan kemahiran dalam menerapkan KPS ($r = 0.806$, $p < 0.01$). Ini menunjukkan bahawa peningkatan pengetahuan seseorang individu berkait rapat dengan keupayaannya untuk mengaplikasikan KPS dalam pengajaran Sejarah. Justeru, terdapat hubungan antara min kompetensi penggunaan sumber Sejarah dengan penerapan KPS. Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap kompetensi guru dalam menggunakan sumber Sejarah, maka semakin tinggi juga tahap penerapan KPS dalam kalangan guru. Hal ini penting kerana pengetahuan guru memilih pendekatan yang bersesuaian akan memudahkan murid dan guru untuk menjalankan aktiviti pembelajaran (Mustaffa et al 2021).

Jadual 6: Hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran dalam menerapkan KPS

		Kemahiran Guru
Pengetahuan Guru	<i>Pearson Correlation</i>	**0.8.06
	Sig	0.00
	N	100

****Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)**

PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan analisis kajian, menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru terhadap KPS berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa responden iaitu guru Sejarah memiliki pengetahuan yang kukuh dalam penerapan KPS dalam pengajaran. Pernyataan ini seiring dengan kajian oleh Santhiah et al. (2023) yang menyatakan bahawa tahap kompetensi guru dari aspek pengetahuan dicatatkan berada di tahap tinggi. Menurut Rahmat (2022), keupayaan murid dalam membaca, memahami, mentafsir dan menulis teks Sejarah dipertingkatkan dengan menggunakan KPS dalam subjek Sejarah. Kenyataan ini disokong oleh kajian Medhy (2019) yang menyatakan KPS yang digunakan dalam subjek Sejarah dapat membantu murid memahami peristiwa Sejarah secara lebih kritis dan menyeluruh. Hal ini menunjukkan bahawa responden iaitu guru menunjukkan pemahaman yang kukuh tentang penggunaan sumber pengajaran bagi menerap KPS dalam pengajaran dengan lebih berkesan bagi mencapai objektif pembelajaran.

Selain itu, tahap kemahiran guru terhadap KPS berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini seiring hasil kajian yang dijalankan oleh M. Kaviza (2018) dan Muhamad Yazid Khalil (2018), yang menunjukkan bahawa tahap penguasaan KPS dalam kalangan guru Sejarah berada pada aras sederhana berdasarkan skor min keseluruhan yang diperolehi. Hal ini penting kerana pengetahuan guru memilih pendekatan yang bersesuaian akan memudahkan murid dan guru untuk menjalankan aktiviti pembelajaran (Nidzam, 2019). Kajian oleh Khuzaimah et al. (2024) menunjukkan wujudnya hubungan positif yang signifikan antara tahap kompetensi guru dalam PdP dengan tahap kemenjadian murid. Murid juga dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang peristiwa sejarah dengan menggunakan KPS (Medhy, 2019).

Hasil analisis juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan dengan kemahiran dalam menerapkan KPS. Dapatan ini membuktikan bahawa tahap pengetahuan yang tinggi berkait rapat dengan keupayaan guru dalam mengaplikasikan KPS secara berkesan dalam PdP Sejarah. Hal ini penting kerana pengetahuan guru memilih pendekatan yang bersesuaian akan memudahkan murid dan guru untuk menjalankan aktiviti pembelajaran (Nidzam 2019).

Kesimpulannya, kompetensi guru dalam menerapkan KPS sangat penting dalam memastikan pengajaran Sejarah di sekolah rendah mencapai matlamat kurikulum. KPS dalam subjek Sejarah mempunyai banyak faedah untuk meningkatkan kemahiran berfikir kritis (Lee & Nurul Asyikin, 2023).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini meneliti tahap kompetensi guru Sejarah dalam penerapan KPS yang merangkumi aspek pengetahuan dan kemahiran semasa proses pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kompetensi guru Sejarah dari sudut pengetahuan dalam menerapkan KPS berada pada tahap sederhana tinggi. Begitu juga, kompetensi guru dari segi kemahiran dalam mengaplikasikan KPS dalam pengajaran Sejarah turut berada pada tahap sederhana tinggi. Implikasi kajian ini mencadangkan agar guru Sejarah lebih proaktif dalam mengintegrasikan KPS dalam pengajaran mereka. Selain itu, hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan oleh pihak berkepentingan dalam memperkukuh pelaksanaan KPS pada masa hadapan. Kajian lanjutan tentang cara-cara meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru Sejarah terutamanya guru bukan opsyen Sejarah boleh dilaksanakan.

Selain itu, kajian ini hanya berfokus kepada lokasi di daerah Pasir Gudang. Maka, cadangan kajian lanjutan adalah kajian boleh dilaksanakan ke semua daerah di negeri Johor. Cadangan ini bertujuan agar mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan dan kemahiran guru-guru Sejarah terhadap KPS di seluruh negeri Johor. Akhir sekali, saiz sampel kajian boleh ditambah bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh mengenai tahap kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan penerapan KPS.

RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2016. *Panduan pelaksanaan kemahiran pemikiran Sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Borries, B.1997. *Teaching history in the digital age*. t.tp.: Teachers College Press.
- Che Ahmad, C. N., Shahrir, S. A., & Yahaya, A. 2019. The level of teacher-student interaction, The suitability of learning environment, learning commitment and learning comfort among biology students. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 6(1): 101– 120.
- Dewi, R., & Khotimah, S. H. 2020. Pengaruh profesionalisme dan disiplin kerja guru terhadap peningkatan mutu pendidikan di sekolah dasar. *Elementary*, 8(2): 292–297.

- Haniffa, M. A., & Nor Azlah Sham Rambely. 2023. Membina kemahiran pemikiran Sejarah (KPS) dalam pembelajaran kursus kenegaraan Malaysia: Sudut pandangan seorang pendidik. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 8(2): 132–141.
- Hanifah, M., Mohamadisa, M., Yazid, M., Nasir, M., & Saiyidatina Balqis, S. 2019. Kompetensi profesionalisme guru Geografi di Malaysia. *Jurnal Kurikulum BPK*. Retrieved from <https://online.anyflip.com/bcyp1/xjtc/files/basic-html/page96.html>. Date accessed: 15 June 2025.
- Howell, C., & Callahan, M. 2016. *Historical thinking and understanding: Developing skills in context*. Routledge.
- Ibrahim, M. S., Siraj, S., & Zabidi, A. 2015. *Standard Kompetensi Guru Malaysia*. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- James Ang Jit Eng & Lim Siew Ngen. 2020. *Guru Sebagai Pakar Strategi Pengajaran dan Pembelajaran abad ke-21*. t.tp.: Publishing House.
- Kaviza, M. 2018. Pengalaman mengajar atau latihan profesional guru dalam mempengaruhi penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 4(1): 40–47.
- Kaviza, M. 2021. Teknik peer instruction dengan penggunaan sumber-sumber Sejarah terhadap pencapaian pemikiran Sejarah dan kekekalannya. *Malaysian Online Journal of Education*, 5(1): 10–18. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v5i1.54>. Date accessed: 15 June 2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah tingkatan 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. Gelombang 2*. Putrajaya: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.
- Khuzaimah Zaa'im, Mohamed Yusoff Mohd Nor, & Shahlan Surat. 2024. Tahap kompetensi guru (pdpc) SKPMG2 dan tahap kemenjadian murid. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 4(27).
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3): 607–610.
- Lee, B. N., & Nurul Asyikin, H. 2023. Memupuk Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1): 1–10.
- Loh, M. W., & Abdul Razaq, A. 2022. Keberkesanan kaedah flipped classroom terhadap amalan pemikiran aras tinggi bagi mata pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3): e001322.
- Maarof, N. H., Apfandi, N., Joli, N. S., & Yusof, R. 2020. Itrack dalam PdP Sejarah: Tinjauan terhadap motivasi pelajar. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1): 83–97.
- Medhy Aginta Hidayat. 2019. Menimbang teori-teori sosial postmodern: Sejarah, pemikiran, kritik dan masa depan postmodernisme. *Journal of Urban Sociology*, 2(1): 42–64.
- Muhamad Yazid Khalil. 2018. Tahap pengetahuan guru Sejarah sekolah rendah Dalam kemahiran pemikiran Sejarah. *Prosiding National Innovation and Invention Competition through Exhibition*, hal. 1–12.

- Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. 2021. Pedagogi terbeza untuk Pengajaran Guru Terhadap Kepelbagaian Murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6 (9): 202-214.
- Noria Munirah dan Anuar Ahmad. 2015. Kemahiran berfikir sejarah (KPS) dalam kalangan bakal guru Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Dimuat turun daripada pada <https://www.academia.edu>. Date accessed: 15 June 2025.
- Nurul Hamidzah & Mohd. Isa. 2023. Tahap kesediaan guru bukan pengkhususan bahasa Arab dalam p&p bahasa Arab di sekolah rendah daerah Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(3): 109-120.
- Rahmat Mulia Pane. 2022. pendekatan strategi mind mapping dalam pelajaran Sejarah perkembangan demokrasi Indonesia. *Education & Learning*, 2(1): 16-21.
- Ridzuan Idris, Abdullah Deraman, Norazan Mat Nor & Adi Yusoff. 2021. Kemahiran pemikiran Sejarah dalam kalangan guru Sejarah: Isu dan cabaran.
- Salwa Azwani, H., & Aziah, I. 2020. Komuniti pembelajaran profesional di Malaysia: Amalan dan pengaruhnya terhadap kompetensi guru dalam pendidikan abad ke-21 di sekolah rendah. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*, 2(1): 1–19.
- Samsudin, W. N. A. 2019. Tahap penguasaan kemahiran proses Sains dalam kalangan guru sains di daerah Segamat. *Prosiding e-Kolokium Pendidikan Sains*, hal. 351–400.
- Santhiah Sunthararaju, Anuar Ahmad, & Norasmah Othman. 2021. Kesediaan guru sekolah rendah dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1): 15–25.
- Selvi, K. 2010. Teachers' competencies. *Cultura: International Journal of Philosophy of Culture and Axiology*, 7(1): 167–175.
- Spencer, L. M., & Spencer, S. M. 1993. *Competence at work: Models for superior performance*. John Wiley & Sons.
- SUNTHARARAJU, Santhiah; AHMAD, Anuar; OTHMAN, Norasmah. 2024. Kesediaan guru sekolah rendah dalam menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1):196-211.
- Wineburg, S., & Fournier, S. 1994. *Historical thinking and other unnatural acts: Charting the future of teaching the past*. Temple University Press.
- Wineburg, S. 2010. *Historical thinking and other unnatural acts: Charting the future of teaching the past*. Temple University Press.
- Zakaria, N., Salleh, H., Razak, M., Rahman, A., & Harun, A. 2021. Penerapan nilai patriotisme dalam pengajaran Sejarah sekolah rendah: Cabaran pelaksanaannya dalam kalangan guru pelatih. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 7(7): 1–8.